

Headline	200,000 kes pangsapuri tanpa hak milik strata dapat diselesaikan bila akta lulus		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	20 Jan 2016	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	17,812
Page No	6	Readership	53,436
Language	Malay	ArticleSize	254 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 508
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,524



# 200,000 kes pangsapuri tanpa hak milik strata dapat diselesaikan bila akta lulus

**PUTRAJAYA:** Kira-kira 200,000 kes untuk pangsapuri yang dibina seawal 70-an, 80an, yang tidak mempunyai geran dan hak milik strata akan dapat diselesaikan bila pindaan Akta Hak milik Strata diluluskan Parlimen.

Mengumumkan demikian, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata pindaan akta itu akan memudah cara permohonan hak milik strata khususnya bagi bangunan lama yang diduduki sebelum 2007.

Proses pengeluaran hak milik strata juga akan diper mudahkan, katanya.

Beliau berkata, kementeriannya akan membentangkan pindaan ke atas Akta Hakmilik Strata 1985 dan Akta Pengambilan Tanah 1960 pada sidang Parlimen, April ini.

Katanya, kedua-dua akta berkenaan digubal pada tahun 1970-an dan 1980-an sudah lapuk, sekali gus memerlukan pindaan segera.

Bercakap dalam sidang media selepas menyampaikan Amanat Tahun Baru 2016 kepada warga kementeriannya

di sini kelmarin, Wan Junaidi berkata pindaan tersebut sekali gus membabitkan pindaan ke atas Kanun Tanah Negara 1965.

“Cadangan pindaan akta-akta itu diharap membantu kerajaan menambah baik perkhidmatan pengurusan tanah secara efisyen serta memudahkan pengambilan tanah yang melibatkan skim-skim pembangunan berstrata serta tanah bawah tanah,” katanya.

Wan Junaidi berkata draf undang-undang pindaan ke atas akta-akta itu telah dikemukakan untuk kelulusan Jabatan Peguam Negara dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara sebelum dibawa ke persidangan Dewan Rakyat.

Selain itu, Wan Junaidi berkata pihaknya juga sedang melakukan semakan semula terhadap beberapa undang-undang lain termasuk Dasar Air Negara bagi menjamin isu keselamatan air.

“Saya telah meminta Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran kaji tempat-tempat yang boleh membina takungan air baharu agar suatu masa nanti kita

tidak kekurangan air, serta Jabatan Pemetaan mencari sumber air baharu di bawah tanah,” katanya.

Wan Junaidi berkata oleh kerana hanya 18 peratus air hujan dituai untuk penggunaan harian di seluruh negara, maka beliau memerlukan perundangan pindaan bagi menjaga resolusi keselamatan air selaras dengan perjanjian Persidangan Iklim Paris 2015 (COP21).

“Salah satu agenda besar ialah keselamatan air. Kita kena lihat kenapa peranginan di Jordon, India dan Pakistan tidak berhenti adalah disebabkan oleh pertakungan air.

“Malaysia tidak mempunyai masalah itu tetapi kita masih perlu takung air,” katanya.

Dalam pada itu, Wan Junaidi berkata kementerian juga akan meminda undang-undang berhubung Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi membolehkan FRIM meningkatkan penglibatan dalam komersialisasi produk hasil daripada aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunannya. - Bernama